



BUKU PANDUAN
PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PKM) &
PERTANDINGAN MYSKILLS

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA &
BAHAGIAN PEMANTAUAN AGENSI DAN KEMAHIRAN,
KEMENTERIAN KERJA RAYA

BUKU PANDUAN
PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PKM) &
PERTANDINGAN MYSKILLS

Terbitan November 2011

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia**

KANDUNGAN

1.0	TAFSIRAN	9
2.0	PENDAHULUAN	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Visi	13
2.3	Misi	13
2.4	Objektif	13
3.0	TARIKH KUATKUASA	13
4.0	PANDUAN PELAKSANAAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA DAN PERTANDINGAN MYSKILLS	14
4.1	Permohonan	14
4.1.1	Yuran Penyertaan	14
4.1.2	Prosedur Permohonan	15
4.1.3	Tatacara Permohonan	15
4.1.4	Bilangan Penyertaan	16
4.1.5	Format Baru : Pelaksanaan Peringkat Pemilihan Peserta PKM Ke Peringkat Akhir	16
4.1.6	Pemilihan Peserta PKM Peringkat Akhir	16
4.1.7	Penganjuran PKM Akhir, Pertandingan MySkills Peringkat Pra-Kelayakan dan Akhir	17
4.1.8	Pemilihan Lokasi Pertandingan	17
4.2	Struktur Organisasi Pertandingan Kemahiran	18
4.2.1	Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia	18
4.2.2	Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran	19
4.2.3	Jawatankuasa Urusetia Pertandingan	20
4.2.4	Pegawai Pemantau Pertandingan	21
4.3	Personel Pertandingan Kemahiran	23

4.3.1	Ketua Hakim Pertandingan Kemahiran	23
4.3.2	Hakim Pertandingan Kemahiran	24
4.3.3	Penyelaras Pertandingan / Bidang	26
4.3.4	Pembantu Bengkel	28
4.3.5	Pembantu Am	29
4.3.6	Tempoh Lantikan	30
4.4	Penganjur Lokasi Pertandingan Kemahiran	31
4.4.1	Syarat dan Kriteria	31
4.4.2	Senarai Tugas	31
4.5	Julat Pemarkahan Dan Penganugerahan Pingat	32
4.5.1	Julat Pemarkahan Pertandingan MySkills	32
4.5.2	Penganugerahan Pingat Dalam Pertandingan MySkills	33
4.5.3	Julat Pemarkahan Pertandingan Kemahiran Malaysia	34
4.5.4	Penganugerahan Pingat Dalam PKM	34
4.5.5	Penganugerahan Tangan Emas Perdana Menteri	35
4.6	Insentif dan Faedah	35
4.6.1	Pemenang	35
4.6.2	Panel Hakim dan Penggubal Soalan	36
4.6.3	Petugas Pertandingan	36
4.6.4	Penganjur Lokasi	36
4.6.5	Penaja Pertandingan	36
4.7	Penggubalan Soalan Pertandingan Kemahiran	37
4.7.1	Skop Penggubalan Soalan Pertandingan	37
4.7.2	Kategori Soalan Pertandingan MySkills	37
4.7.3	Kategori Soalan Pertandingan Kemahiran Malaysia	38
4.7.4	Persediaan Dokumen Soalan Praktikal	39

	4.7.5	Prototaip	39
	4.7.6	Pemerhati Semasa Penggubalan Soalan	39
4.8		Kaedah Penilaian Pertandingan Kemahiran	39
	4.8.1	Ujian Teori Pertandingan MySkills	39
	4.8.2	Ujian Praktikal Pertandingan MySkills dan PKM	40
5.0		PENUTUP	40

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran SB01	-	Senarai Bahan Gunahabis (Disediakan oleh Penganjur)
Lampiran SB02	-	Senarai perkakas dan peralatan umum (Disediakan oleh Penganjur)
Lampiran SB03	-	Senarai Perkakas dan Peralatan Tangan (Dibawa sendiri oleh peserta pertandingan)
Lampiran SB04	-	Senarai keperluan fizikal dan persiapan tempat (Disediakan oleh penganjur)
Lampiran SB05	-	Senarai Keperluan Pengawai Sokongan (Disediakan oleh penganjur)
Lampiran 6	-	Borang Penilaian Objektif
Lampiran 7	-	Borang Penilaian Subjektif
Lampiran 8	-	Borang Pemarkahan

SENARAI KEPENDEKAN

ASC	-	<i>ASEAN Skills Competition</i>
BPAK	-	Bahagian Pemantauan Latihan dan Agensi
CIAST	-	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KKR	-	Kementerian Kerja Raya
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
NOSS	-	National Occupational Skills Standard
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
PKM	-	Pertandingan Kemahiran Malaysia
WSC	-	<i>World Skills Competition</i>

SENARAI JADUAL

Jadual 1	:	Insentif Pemenang Pertandingan MySkills
Jadual 2	:	Contoh Penganugerahan Pingat Pertandingan MySkills
Jadual 3	:	Insentif Pemenang Pertandingan Kemahiran Malaysia
Jadual 4	:	Contoh Penganugerahan Pingat Pertandingan Kemahiran Malaysia
Jadual 5	:	Kadar Bayaran Petugas Lokasi

TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

Acara Demo ertinya bidang kemahiran baru yang diperkenalkan bagi tujuan untuk dipertandingkan dalam pertandingan kemahiran akan datang;

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri ertinya anugerah tertinggi yang diberikan kepada peserta Pertandingan Kemahiran Malaysia.

Bidang kemahiran ertinya kemahiran yang dipertandingkan dalam Pertandingan MySkills dan Pertandingan Kemahiran Malaysia;

Tenaga Pengajar ertinya, pengajar di institusi latihan awam dan swasta, pensyarah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pegawai latihan di agensi kerajaan dan swasta, *coach industry* yang terlibat dalam SLDN;

Competition Information System ertinya sistem maklumat pertandingan yang digunakan bagi tujuan permohonan, pendaftaran dan pemarkahan dalam pertandingan kemahiran;

Jabatan ertinya Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Bahagian Pemantauan Agensi dan Kemahiran di bawah Kementerian Kerja Raya;

Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan terdiri daripada ketua hakim setiap bidang bagi meluluskan soalan dan keputusan pertandingan ;

Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pertandingan Kemahiran ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan terdiri daripada wakil agensi latihan kemahiran yang berperanan untuk menyelaras pelaksanaan pertandingan kemahiran;

Ketua Hakim ertinya seorang pakar dalam bidang berkaitan yang dilantik untuk mengetuai Panel Hakim bagi sesuatu bidang dalam pertandingan untuk tempoh masa tertentu;

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) ertinya satu majlis yang dianggotai oleh wakil dari agensi-agensi awam dan swasta yang dilantik oleh Menteri Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia bertujuan untuk menambahbaik fungsi dan skop pertandingan kemahiran;

Majikan ertinya ketua di tempat kerja pemohon bertugas.

Mesyuarat Kerja Penggubalan Soalan ertinya mesyuarat bagi menggubal soalan pertandingan kemahiran;

Panel Hakim ertinya sekumpulan pakar dalam bidang berkaitan yang dilantik untuk membuat penilaian dan pemarkahan peserta pertandingan untuk tempoh masa tertentu;

Panel Pengubal Soalan ertinya sekumpulan pakar industri, personel dari Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Latihan Kemahiran awam dan swasta yang dilantik oleh jabatan untuk menyediakan soalan, skema pemarkahan, senarai bahan dan peralatan pertandingan;

Pembantu Am ertinya individu yang dilantik oleh Jabatan bagi menjalankan tugas-tugas am sepanjang pertandingan;

Pembantu Bengkel ertinya individu yang berkemahiran yang dilantik oleh Jabatan bagi membantu menyediakan persiapan bengkel / tapak sebelum, semasa dan selepas pertandingan;

Pegawai Pemantau Pertandingan (PPP) ertinya wakil yang dilantik oleh agensi latihan kemahiran sebagai pemerhati semasa pelaksanaan pertandingan kemahiran;

Pemerhati Penggubalan Soalan ertinya wakil dari agensi kemahiran yang hadir bersama-sama semasa Mesyuarat Kerja Penggubalan Soalan;

Penaja ertinya organisasi atau syarikat atau mana-mana individu yang memberikan sumbangan dan kerjasama dari segi teknikal, kewangan, kepakaran, logistik dan bahan;

Penganjur lokasi ertinya agensi yang dilantik oleh jabatan untuk menganjur lokasi pertandingan kemahiran;

Penyelaras pertandingan ertinya individu yang dilantik di lokasi pertandingan bagi mengurus perkara-perkara sebelum, semasa dan selepas pertandingan dijalankan;

Personel Pertandingan ertinya individu yang terlibat dalam pertandingan;

Pertandingan Kemahiran ertinya Pertandingan Kemahiran Malaysia dan Pertandingan MySkills;

Peserta pertandingan ertinya individu yang menyertai pertandingan mengikut bidang kemahiran yang dipertandingkan;

Petugas ertinya personel yang bertugas di tapak pertandingan iaitu Penyelaras, Pembantu Bengkel dan Pembantu Am;

Skema Pemarkahan ertinya format pemarkahan untuk tujuan penilaian yang disediakan oleh panel pengubal soalan mengikut standard yang ditetapkan;

Urusetia Pertandingan ertinya pegawai-pegawai yang dilantik oleh jabatan bagi menguruskan pertandingan kemahiran.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1.1.1 Tujuan buku panduan ini dibangunkan adalah untuk memberi maklumat dan panduan yang terperinci mengenai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Pertandingan MySkills.

1.1.2 **Pertandingan Kemahiran Malaysia** merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan setiap tahun bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul dan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan *World Skills Competition* (WSC) setelah melalui proses saringan dan penilaian yang telah ditetapkan.

1.1.3 **Pertandingan MySkills** adalah satu pertandingan kemahiran untuk meningkatkan kekompetenan dan daya saing dikalangan pengajar institusi latihan kemahiran awam, swasta dan *coach industry*. Dengan adanya pertandingan ini, pengajar dapat bersaing secara sihat untuk menunjukkan kemahiran yang terbaik di samping mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang ditawarkan. Pengajar juga mendapat pendedahan dari segi teknologi dan kurikulum yang terkini seiring dengan negara-negara maju.

1.1.4 Buku panduan ini diterbitkan dan dikemaskini oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran yang dianggotai oleh semua agensi latihan kemahiran dan disahkan oleh Mesyuarat Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM). Semua peserta hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

1.2 Visi, Misi dan Objektif PKM dan Pertandingan MySkills

Perkara	Pertandingan Kemahiran Malaysia	Pertandingan MySkills
Visi	Melahirkan pekerja mahir/ tenaga pengajar yang berkompentensi dan bertaraf dunia.	
Misi	Membudayakan dan menggalakkan latihan kemahiran dan memberi pengiktirafan kepada pekerja mahir/tenaga pengajar melalui kerjasama strategik dan komitmen dengan pihak industri dan institusi latihan kemahiran.	
Objektif	Melahirkan tenaga kerja mahir bagi keperluan industri melalui : i. Mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul; ii. Melahirkan juara kemahiran bertaraf dunia; iii. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara; dan iv. Mewujudkan budaya menghormati kemahiran (<i>skills respect culture</i>). v. Memilih peserta negara ke pertandingan kemahiran peringkat ASEAN dan dunia melalui PKM.	Objektif penganjuran Pertandingan MySkills adalah: i. Memberi pengiktirafan dan penghargaan tenaga pengajar di institut awam dan swasta. ii. Membangunkan kekompetenan tenaga pengajar bertaraf dunia. iii. Sebagai pengukur tahap kekompetenan tenaga pengajar di institusi awam dan swasta.

2.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia dan Pertandingan MySkills ini berkuatkuasa mulai **November 2011**.

3.0 PANDUAN PELAKSANAAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA DAN PERTANDINGAN MYSKILLS

4.1 Syarat Permohonan Bagi Pertandingan Kemahiran

Pertandingan MySkills	PKM
Pemohon yang ingin menyertai Pertandingan MySkills perlu memenuhi kriteria berikut: 1. Warganegara Malaysia; 2. Mempunyai pengalaman mengajar dan bekerja di industri dalam bidang yang dipertandingkan tidak kurang dari 4 tahun; 3. Mendapat kebenaran dan sokongan daripada majikan; 4. Pemenang Platinum dan Emas <u>tidak layak menyertai</u> pertandingan dalam bidang kemahiran yang sama.	Pemohon yang ingin menyertai PKM perlu memenuhi kriteria perlu memenuhi kriteria berikut: 1. Warganegara Malaysia; 2. Pertandingan ini terbuka kepada pelatih atau pekerja mahir yang berumur tidak melebihi 20 tahun kecuali bidang Mekatronik dan IT <i>Network Cabling</i> iaitu 23 tahun pada tahun pertandingan; dan 3. Setiap pemohon hanya layak memohon <u>satu</u> bidang sahaja untuk menyertai PKM. 4. Pemenang Emas <u>tidak layak menyertai</u> pertandingan dalam bidang kemahiran yang sama.

Syarat Umum Permohonan:

- Keputusan muktamad menyertai pertandingan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pertandingan Kemahiran.
- Urusetia, panel penggubal soalan dan panel hakim **tidak boleh** menyertai pertandingan kemahiran.

4.1.1. Yuran Penyertaan

Pertandingan MySkills	PKM
Setiap penyertaan dalam pertandingan ini dikenakan yuran penyertaan sebanyak <u>RM100.00</u>. Bayaran boleh dibuat melalui kaedah berikut atas nama Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran: 1. Kiriman Wang; atau 2. Bank Draft; atau 3. Pesanan Kerajaan (LO) Nota: Bayaran dengan menggunakan cek persendirian tidak akan diterima.	Tiada yuran penyertaan

4.1.2 Prosedur Permohonan

- 1) Pemohon yang berminat untuk menyertai pertandingan ini perlu memohon dengan mengisi lengkap borang pertandingan yang dipapar melalui laman web atau melalui iklan di akhbar-akhbar utama.
- 2) Borang penyertaan perlu dikembalikan kepada pihak JPK/BPAK sebelum tarikh tutup permohonan.
- 3) Sebarang permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan akan ditolak.
- 4) Semua borang permohonan hendaklah dikemukakan ke JPK/BPAK melalui serahan tangan atau pos.
- 5) Pemohon dari agensi kemahiran perlu mengemukakan permohonan melalui ibu pejabat agensi (permohonan persendirian dari agensi kemahiran akan ditolak)

4.1.3 Tatacara Permohonan

Pemohon perlu mematuhi tatacara permohonan berikut:

- 1) Permohonan penyertaan secara atas talian dan manual yang akan ditetapkan oleh Jabatan dan maklumat boleh diperolehi melalui laman sesawang www.skillsmalaysia.gov.my dan www.dsd.gov.my
- 2) Pemohon perlu mengisi semua maklumat yang diperlukan
- 3) Permohonan perlu disahkan oleh ketua jabatan/majikan masing-masing.
- 4) Yuran penyertaan perlu dijelaskan sebelum tarikh tutup permohonan.
- 5) Permohonan penyertaan yang tidak lengkap dan mengandungi maklumat palsu tidak akan dilayan manakala yuran penyertaan tidak akan dipulangkan.

4.1.4 Bilangan Penyertaan

- 1) Bilangan minima permohonan bagi setiap bidang yang dipertandingkan adalah **lapan (8) peserta**. Keputusan muktamad adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pertandingan Kemahiran.
- 2) Bilangan penyertaan ke peringkat akhir mengikut bidang kemahiran yang dipertandingkan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pertandingan Kemahiran.

4.1.5 Pelaksanaan Peringkat Pemilihan Peserta PKM ke Peringkat Akhir

- a. Kaedah pemilihan peserta PKM ke peringkat akhir dilaksanakan oleh agensi kemahiran.
- b. Sekiranya agensi kemahiran melaksanakan peringkat pra-kelayakan, tempoh masa pertandingan adalah 3 hingga 5 jam.
- c. Agensi kemahiran awam akan menanggung kos pelaksanaan peringkat pra-kelayakan termasuk lantikan hakim pertandingan.
- d. Proses pemilihan peserta dari institusi latihan swasta ke peringkat akhir PKM akan ditentukan oleh JPK dan BPAK.

4.1.6 Pemilihan Peserta PKM Peringkat Akhir

- a. Agensi latihan kemahiran awam dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan sahaja ke peringkat akhir bagi setiap bidang kemahiran kecuali bagi bidang *welding, electrical installations* dan *electronics* dibenarkan dua (2) orang peserta.
- b. Pemilihan peserta akhir dari agensi latihan swasta ditetapkan oleh JPK/BPAK

4.1.7 Penganjuran PKM peringkat akhir dan Pertandingan MySkills

Penganjur pertandingan akan menanggung kos perbelanjaan pertandingan yang merangkumi:

- i. kos bahan guna habis
- ii. perolehan peralatan
- iii. sewaan/utiliti
- iv. promosi
- v. penginapan bagi hakim
- vi. makan / minum petugas, hakim dan peserta.

Nota :

Akan tetapi pihak penganjur tidak akan menanggung kos penginapan dan elaun perjalanan peserta semasa pertandingan.

4.1.8 Pemilihan Lokasi Pertandingan Kemahiran

- 1) Ditentukan oleh penganjur pertandingan.
- 2) Pemilihan Lokasi ujian teori Pertandingan MySkills dibahagikan kepada tiga (3) zon iaitu zon tengah, zon Sabah dan zon Sarawak.

4.2 Struktur Organisasi Pertandingan Kemahiran

Bagi memastikan pelaksanaan Pertandingan MySkills anjuran Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia berjalan dengan lancar beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM), Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran dan Pegawai Pemantau Pertandingan (PPP).

4.2.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia

Struktur organisasi PKM adalah terdiri daripada Majlis PKM (MPKM) dan beberapa jawatankuasa yang berperanan untuk menambahbaik fungsi dan skop PKM.

Penaung	:	Y.A.B. Perdana Menteri
Penasihat	:	Y.B. Menteri Sumber Manusia
Pengerusi	:	Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia
Pengerusi Ganti	:	Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
Urusetia	:	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR)

Keahlian :

- i. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
- ii. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
- iii. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
- iv. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
- v. Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan
- vi. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- vii. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani
- viii. Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran
- ix. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia
- x. Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia
- xi. Ketua Pengarah MARA
- xii. Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- xiii. Ketua Eksekutif Malaysia Timber Industry Board (MTIB)
- xiv. Ketua Eksekutif Suruhanjaya Tenaga
- xv. Ketua Eksekutif GIATMARA Sdn Bhd

- xvi. Ketua Eksekutif PROTON Berhad
- xvii. Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Berhad
- xviii. Ketua Eksekutif Malaysian Development Corporation
- xix. Presiden Federation of Malaysian Manufacturers
- xx. Presiden Malaysian Association of Hotels
- xxi. Presiden Persatuan Kosmetologi Malaysia
- xxii. Presiden Federation of JPK Accredited Centers Malaysia
- xxiii. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Automotif
- xxiv. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Pembinaan
- xxv. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) ICT
- xxvi. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Kejuruteraan & Kejenteraan
- xxvii. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Elektrikal & Elektronik
- xxviii. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Tekstil & Pakaian
- xxix. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Perhotelan

4.2.2 Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran

Struktur dan fungsi jawatankuasa JTPK adalah seperti dibawah.

Pengerusi : Pegawai yang dilantik oleh Jabatan
Keahlian : 1. Pengarah setiap Bahagian, JPK
2. Ketua Hakim setiap bidang
3. Urusetia SkillsMalaysia

Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :

1. Mengesahkan soalan teori dan praktikal di peringkat saringan, pra-kelayakan dan akhir.
2. Mengesahkan keputusan pertandingan berasaskan kepada skala pemarkahan yang ditetapkan.
3. Membincangkan *post-mortem* pertandingan peringkat pra-kelayakan dan akhir.
4. Mencadangkan penambahbaikan pertandingan.

4.2.2 Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pertandingan Kemahiran

Struktur dan fungsi jawatankuasa JTPK adalah seperti dibawah.

Pengerusi : Pegawai yang dilantik oleh Jabatan
Keahlian : 1. Pengarah setiap Bahagian, JPK
2. Wakil Agensi Latihan Kemahiran
3. Urusetia SkillsMalaysia

Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :

1. Mengesahkan jadual, lokasi dan bidang yang dipertandingkan.
2. Mengesahkan pembelian dan sewaan bagi peralatan, bahan guna habis dan penyelenggaraan peralatan atau mesin.
3. Membincangkan *post-mortem* pertandingan peringkat pra-kelayakan dan akhir.
4. Mencadangkan penambahbaikan pertandingan.

4.2.3 Urusetia Pertandingan

Struktur dan fungsi jawatankuasa urusetia pertandingan adalah seperti dibawah.

Pengerusi : Pegawai yang dilantik oleh jabatan.
Keahlian : 1. Urusetia SkillsMalaysia
2. Urusetia Bidang

Tugas – tugas:

a. Urusan Dengan Panel Hakim

- 1) Mengenalpasti panel hakim dalam bidang berkaitan.
- 2) Mengurus keperluan panel hakim berkaitan dengan hal ehwal pertandingan.
- 3) Mengumpul soalan yang digubal mengikut bidang yang dipertandingkan.
- 4) Mencetak soalan dan memelihara kerahsiaan soalan pertandingan.
- 5) Memastikan penglibatan panel hakim sepanjang proses pertandingan dijalankan.
- 6) Memastikan panel hakim melaksanakan penghakiman secara telus.
- 7) Mengurus tuntutan yang dikemukakan oleh panel hakim.

b. Urusan Dengan Penganjur Lokasi

- 1) Memastikan penganjur memenuhi keperluan pertandingan.
- 2) Menyelia pembelian, peminjaman, penyewaan dan penyelenggaraan mesin, peralatan dan bahan gunahabis.
- 3) Mengemaskini jumlah perbelanjaan kewangan pertandingan.
- 4) Mencadangkan bilangan petugas di lokasi pertandingan mengikut bidang kemahiran yang dipertandingkan.
- 5) Memastikan penganjur lokasi menjalankan promosi Pertandingan MySkills

c. Urusan Dengan Peserta Pertandingan

- 1) Mengurus permohonan peserta.
- 2) Mengurus keperluan yang berkaitan peserta pertandingan.
- 3) Mengurus jadual pertandingan pra-kelayakan dan akhir.
- 4) Memantau dan menyelia kehadiran peserta.
- 5) Memastikan segala maklumat sampai kepada peserta pertandingan.

d. Urusan Pentadbiran Pertandingan

- 1) Mengurus permohonan peserta bagi setiap bidang.
- 2) Menguruskan bank soalan pertandingan.
- 3) Menyelaras dan mengemaskini kewangan atau perbelanjaan bagi bidang yang dipertanggungjawabkan.
- 4) Mengumpul dan menganalisa markah peserta selepas pertandingan.
- 5) Mengurus tuntutan dan elaun bagi hakim dan peserta pertandingan.
- 6) Memastikan promosi pertandingan samada di media massa, media elektronik dan media cetak.
- 7) Mencadangkan lantikan urusetia setiap bidang yang dipertandingkan pada tahun tersebut.
- 8) Memaklumkan kepada agensi pusat latihan awam dan swasta mengenai markah peserta pertandingan iaitu selepas disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.

4.2.4 Pegawai Pemantau pertandingan (PPP)

PPP terdiri daripada **wakil** yang dilantik oleh agensi latihan kemahiran sebagai pemerhati semasa pelaksanaan pertandingan kemahiran.

4.2.4.1 Ciri PPP

Ciri pegawai yang dilantik sebagai PPP adalah seperti berikut:

- 1) Dilantik oleh agensi latihan kemahiran;
- 2) Bersikap profesional, integriti, telus dan amanah; dan
- 3) Boleh berkomunikasi dengan baik;

4.2.4.2 Tugas PPP

Tugas PPP adalah seperti berikut:

- 1) Membuat pemantauan pertandingan supaya ianya dilaksanakan dengan telus, adil dan sistematik.
- 2) Supaya segala aduan yang berkaitan pertandingan dapat disalurkan dan dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran;
- 3) Membuat laporan menyeluruh aktiviti pemantauan dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran; dan
- 4) Memberi cadangan untuk sebarang tindakan penambahbaikan pertandingan.

4.2.4.3 Perkara Yang Tidak Boleh Dilakukan Oleh PPP

PPP yang dilantik tidak boleh membuat perkara-perkara yang berikut:

- 1) Mengganggu panel hakim semasa proses pemarkahan;
- 2) Mengganggu peserta semasa pertandingan;
- 3) Mendedahkan maklumat aduan yang diberi kepada umum.
- 4) Tidak menghantar maklumat pertandingan kepada urusetia.

4.2.4.4 Elaun PPP

PPP yang dilantik semasa menjalankan tugas rasmi adalah layak menerima elaun tuntutan perjalanan dan elaun penginapan yang **ditanggung oleh agensi kemahiran masing-masing.**

4.3 Personel Pertandingan Kemahiran

Personel pertandingan adalah individu yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pertandingan seperti panel hakim, petugas di lokasi dan urusetia.

4.3.1 Ketua Hakim Pertandingan Kemahiran

4.3.1.1 Syarat dan Kriteria Lantikan

- i. Dilantik oleh jabatan; dan
- ii. Memiliki mana-mana dari yang berikut:
 - a. Berpengalaman menjadi hakim dalam sebarang pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan seperti Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) atau Pertandingan MySkills, peringkat ASEAN iaitu ASEAN Skills Competition (ASC) atau di peringkat antarabangsa iaitu WorldSkills Competition (WSC); atau pertandingan-pertandingan yang setara; **atau**
 - b. Berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang kemahiran berkaitan sekurang-kurangnya **10 tahun**;
- iii. Diperaku layak dan mahir dalam bidang kemahiran yang berkaitan oleh majikan dan jabatan; dan
- iv. Keutamaan diberikan kepada individu yang telah berdaftar dalam DPIN

4.3.1.2 Senarai Tugas Ketua Hakim

a. Sebelum Pertandingan

- i. Sebagai panel penggubal soalan pertandingan;
- ii. Memastikan semua peralatan dan mesin berfungsi dengan baik sebelum dan semasa pertandingan dijalankan;
- iii. Memastikan semua bahan keperluan pertandingan mencukupi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan;
- iv. Membuat lawatan kerja di lokasi pertandingan sebelum pertandingan bermula; dan
- v. Menyediakan protaip projek berasaskan kepada soalan pertandingan (jika perlu).

b. Semasa Pertandingan

- i. Memastikan para hakim dan petugas di lokasi pertandingan;
- ii. Memberi taklimat mengenai peraturan pertandingan dan skema pemarkahan kepada peserta sebelum memulakan pertandingan;
- iii. Menyemak senarai peserta;
- iv. Mengadakan sesi penyesuaian mesin dan peralatan kepada peserta pertandingan;
- v. Memastikan garis panduan dan kriteria pemarkahan dipatuhi oleh para hakim;
- vi. Membuat penilaian / pemeriksaan hasil kerja mengikut skema pemarkahan dan memastikan penghakiman dilaksanakan dengan telus, beretika dan adil;
- vii. Membuat keputusan muktamad kepada sebarang kemusykilan dan pemasalahan sebagainya selepas membuat perbincangan dengan para hakim;
- viii. Melengkap dan menyerahkan borang-borang berkaitan kepada urusetia pertandingan;
- ix. Memastikan pertandingan berjalan dengan lancar; dan
- x. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari masa ke semasa.

c. Selepas Pertandingan

- i. Memberi maklumbalas hasil pertandingan dalam setiap tugas kepada setiap peserta akhir.
- ii. Membuat laporan teknikal post mortem pertandingan mengikut bidang dan diserahkan kepada urusetia sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.

4.3.2 Hakim Pertandingan Kemahiran

4.3.2.1 Syarat dan Kriteria Lantikan

Individu yang layak dilantik sebagai hakim pertandingan dengan syarat-syarat berikut:

- i. Dilantik oleh jabatan; dan

- ii. Pengamal industri atau individu dari Institut Latihan Kemahiran Awam, Swasta dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam bidang kemahiran yang berkaitan sekurang-kurangnya 10 tahun; **atau**
- iii. Memiliki mana-mana dari yang berikut:
 - a. Pemenang pingat Platinum dalam Pertandingan MySkills; **atau**
 - b. Pemenang pingat Emas dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) atau pertandingan kemahiran yang setaraf dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya **7 tahun; atau**
 - c. Pernah mewakili negara dalam pertandingan kemahiran WSC dan/atau ASC dalam bidang kemahiran berkaitan dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya **5 tahun; atau**
 - d. Jurulatih di peringkat kemahiran antarabangsa iaitu ASEAN Skills Competition dan/atau World Skills Competition bagi tiga (3) pertandingan; atau
 - e. Pernah menyertai peringkat akhir dalam pertandingan kemahiran peringkat nasional dan antarabangsa; dan
- iv. Mendapat sokongan daripada majikan; **dan**
- v. Keutamaan diberikan kepada individu yang telah berdaftar dalam DPIN dan mempunyai sijil-sijil profesional dalam bidang kemahiran berkaitan.

4.3.2.2 Senarai Tugas Hakim Pertandingan Kemahiran

Senarai tugas hakim sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah seperti berikut.

a. Sebelum Pertandingan

- i. Membantu ketua hakim dalam penyediaan prototaip Projek (jika ada);
- ii. Membantu memastikan semua peralatan dan mesin berfungsi dengan baik sebelum dan semasa pertandingan dijalankan;
- iii. Membantu memastikan semua bahan keperluan pertandingan mencukupi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan; dan
- v. Membuat lawatan kerja di lokasi pertandingan sebelum pertandingan bermula (jika perlu).

b. Semasa Pertandingan

- i. Melaporkan diri kepada ketua hakim/urusetia pada hari pertandingan;
- ii. Membantu menyemak senarai peserta sebelum pertandingan dijalankan;
- iii. Membantu mengadakan sesi penyesuaian mesin dan peralatan kepada peserta pertandingan;
- iv. Memastikan peserta mematuhi semua peraturan dan keselamatan;
- v. Membuat penilaian / pemeriksaan hasil kerja mengikut skema pemarkahan dan menjalankan tugas secara telus, beretika dan saksama;
- vi. Membantu melengkap dan menyerahkan borang-borang berkaitan kepada urusetia pertandingan;
- vii. Memastikan pertandingan berjalan dengan lancar; dan
- viii. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari masa ke semasa.

c. Selepas Pertandingan

Membantu ketua hakim membuat ringkasan laporan pemarkahan bagi pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.

4.3.3 Penyelaras Pertandingan / Bidang

Syarat dan kriteria penyelaras pertandingan/bidang adalah seperti berikut.

4.3.3.1 Syarat dan Kriteria

- i. Penyelia dalam pertandingan kemahiran yang berkaitan;
- ii. Berkemampuan mengurus dan menyelaras aktiviti yang berkaitan dengan pertandingan;
- iii. Dilantik oleh Jabatan; dan
- iv. Bilangan dihadkan kepada seorang (1) sahaja bagi satu bidang kemahiran yang dipertandingkan.

4.3.3.2 Senarai Tugas Penyelaras Pertandingan / Bidang

Senarai tugas penyelaras pertandingan / bidang adalah seperti berikut.

a. Sebelum Pertandingan

- i. Memastikan spesifikasi peralatan dan bahan guna habis menepati spesifikasi dan kehendak soalan;
- ii. Merancang dan menguruskan pembelian bagi keperluan pertandingan seperti mesin, peralatan tangan serta bahan gunahabis sebelum pertandingan dijalankan;
- iii. Mengurus, dan memastikan mesin dan peralatan tangan yang diperlukan semasa pertandingan adalah mencukupi, dalam keadaan baik dan selamat digunakan; dan
- iv. Mengurus penyelenggaraan mesin dan peralatan yang akan digunakan serta memastikan mesin/peralatan berfungsi dengan baik untuk pertandingan.

b. Semasa Pertandingan

- i. Mengurus keperluan peserta pertandingan semasa berada di tapak pertandingan;
- ii. Memastikan Pembantu Bengkel dan Pembantu Am menjalankan tugas semasa pertandingan; dan
- iii. Memastikan segala urusan semasa pertandingan berjalan dengan lancar.

c. Selepas Pertandingan

- i. Memastikan semua peralatan, mesin dan peralatan tangan berkeadaan baik dan disimpan di tempat asal;
- ii. Memastikan tempat bertanding dikemas dan berkeadaan bersih;
- iii. Merekod dan menyimpan aset yang dibeli semasa pertandingan sekiranya ada;
- iv. Menyelaras tuntutan elaun petugas dalam bidang masing-masing;
- v. Memberi maklumbalas kepada jabatan mengenai

- kerja-kerja penyelarasan sebelum,
- vi. semasa dan selepas pertandingan; dan
- vii. Menjalankan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa.

4.3.4 Pembantu Bengkel

Syarat dan kriteria pembantu bengkel adalah seperti berikut.

4.3.4.1 Syarat dan Kriteria

- i. Berkemahiran dan mempunyai pengetahuan dalam bidang kemahiran berkaitan;
- ii. Berpengalaman dalam pengendalian dan pengurusan bengkel latihan;
- iii. Petugas dicalonkan oleh penganjur lokasi; dan
- iv. Dilantik oleh Jabatan.

4.3.4.2 Senarai Tugas Pembantu Bengkel

Senarai tugas pembantu bengkel sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah seperti berikut.

a. Sebelum Pertandingan

- i. Menyedia dan memastikan keperluan pertandingan seperti peralatan tangan dan mesin-mesin yang digunakan mengikut keperluan soalan pertandingan;
- ii. Menyediakan dan memastikan bahan gunahabis mencukupi dan mengikut spesifikasi; dan
- ii. Membantu panel hakim membuat sesi penyesuaian peralatan.

b. Semasa Pertandingan

- i. Membantu hakim menyediakan keperluan soalan teori dan praktikal;
- ii. Membantu panel hakim penyediaan peralatan pengujian semasa pertandingan untuk tujuan penilaian;

- iii. Membuat pemantauan dan merekod pengeluaran bahan gunahabis semasa pertandingan mengikut kuantiti yang diperlukan berdasarkan kepada soalan;
- vi. Membantu mengurus keperluan peserta pertandingan semasa berada di tapak pertandingan; dan
- v. Memasti dan menyelenggara peralatan atau mesin-mesin yang akan digunapakai semasa pertandingan dalam keadaan baik dan selamat;

c. Selepas Pertandingan

- i. Membantu memastikan semua peralatan, mesin dan peralatan tangan berkeadaan baik dan disimpan asal;
- ii. Membantu memastikan tempat bertanding dikemas dan berkeadaan bersih;
- iii. Membantu merekod dan menyimpan aset yang dibeli semasa pertandingan sekiranya ada; dan
- iv. Membantu menyelaras tuntutan elaun petugas dalam bidang masing-masing.

4.3.5 Pembantu Am

Syarat dan kriteria pembantu am adalah seperti berikut.

4.3.5.1 Syarat dan Kriteria

- i. Komited dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang berkaitan;
- ii. Berkeupayaan bekerjasama dengan penyelaras dan pembantu bengkel dalam pengendalian pertandingan;
- iii. Dicalonkan oleh penganjur lokasi pertandingan;
- iv. Bilangan lantikan Pembantu Am tertakluk kepada keperluan bidang; dan
- v. Lantikan oleh Jabatan.

4.3.5.2 Senarai Tugas Pembantu Am

Senarai tugas pembantu am sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah seperti berikut.

a. Sebelum Pertandingan

Membantu pembantu bengkel dalam penyediaan bahan gunahabis, peralatan dan mesin.

b. Semasa Pertandingan

- i. Melapor diri kepada penyelaras/pembantu bengkel;
- ii. Membantu menyediakan keperluan peserta di tapak pertandingan seperti membuat bancuhan lepaan simen, kayu berketam dan mengikut ukuran yang dikehendaki dan sebagainya mengikut keperluan bidang kemahiran; dan
- iii. Memastikan bengkel dan peralatan dalam keadaan bersih,
- iv. teratur dan selamat.

c. Selepas Pertandingan

- i. Mengemas semula projek-projek yang telah dihasilkan oleh peserta pertandingan setelah dinilai oleh panel hakim;
- ii. Mengumpulkan semula peralatan tangan yang telah digunakan oleh peserta pertandingan supaya ianya dapat digunapakai untuk pertandingan akan datang; dan
- iii. Membantu memastikan persekitaran bengkel sentiasa bersih dan selamat selepas pertandingan.

4.3.6 Tempoh Lantikan

Tempoh lantikan personel Pertandingan MySkills adalah pada tahun pertandingan sahaja dan tertakluk kepada Jabatan.

4.4 Penganjur Lokasi Pertandingan Kemahiran

Syarat dan kriteria penganjur lokasi pertandingan adalah seperti berikut.

4.4.1 Syarat dan Kriteria

Agensi atau penyedia latihan kemahiran yang berkeinginan untuk menjadi penganjur tempat pertandingan hendaklah memenuhi kriteria berikut:-

- (a) Telah ditubuhkan dan didaftarkan secara sah sebagai Syarikat Sendirian Berhad atau Syarikat Berhad atau Perniagaan atau Persatuan/Pertubuhan; dan mendapat kelulusan Jabatan Bomba dan Keselamatan; dan Jabatan Kesihatan dan Majlis Tempatan berkenaan; atau Telah didaftarkan sebagai Institusi Latihan oleh mana-mana agensi Kerajaan mengikut apa-apa peruntukan perundangan yang berkaitan; dan
- (b) Mempunyai prasarana yang mencukupi dan berkeupayaan bagi maksud mengadakan tempat pertandingan kemahiran mengikut kehendak Jawatankuasa bagi bidang kemahiran anjuran yang dipohon; dan
- (c) Memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh Jabatan dari masa ke semasa.

4.4.2 Senarai Tugas

Tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh penganjur lokasi adalah:

- i. Menyediakan tapak pertandingan, peralatan, bahan gunahabis dan mesin yang sesuai dan mencukupi;
- ii. Menguruskan kemudahan logistik sekiranya perlu;
- iii. Mencalonkan petugas yang berkeelayakan bagi bidang berkaitan;
- iv. Menubuhkan jawatankuasa kerja bagi membantu pengendalian pertandingan seperti keselamatan, jamuan, perolehan dan lain-lain;

- v. Mengemukakan perancangan aktiviti dan anggaran kos keseluruhan yang diperlukan bagi pertandingan ke Jabatan;
- vi. Melantik wakil ke mesyuarat penganjur lokasi;
- vii. Mengurus perolehan peralatan, bahan guna habis dan penyelenggaraan mesin bagi persediaan pertandingan mengikut tatacara kewangan Perbendaharaan;
- viii. Membantu pihak Jabatan dalam urusan mempromosikan pertandingan;
- ix. Memastikan aset dan peralatan yang dibeli atas tujuan pertandingan direkod dan disimpan; dan
- viii. Tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan dari masa ke semasa.

4.5 Julat Pemarkahan dan Penganugerahan Pingat

Julat pemarkahan bagi Pertandingan Kemahiran Malaysia dan Pertandingan MySkills adalah seperti Jadual 1 dan Jadual 3 berikut:

4.5.1 Julat Pemarkahan Pertandingan MySkills

Peserta dalam pertandingan ini akan menerima insentif seperti Jadual 1

Jadual 1 : Jadual Insentif Pemenang Pertandingan MySkills

Pemenang	Hadiah	Markah Penilaian
Platinum	Piala, sijil dan RM 10,000.00	95.00 – 100.00
Emas	Sijil dan RM 7,000.00	90.00 – 94.99
Perak	Sijil dan RM 5,000.00	80.00 - 89.99
Gangsa	Sijil dan RM 3,000.00	70.00 - 79.99
Sijil Kecemerlangan	Sijil Kecemerlangan dan RM500.00	60.00 - 69.99
* Sijil Penyertaan	Sijil penyertaan dan RM 500.00	59.99 dan ke bawah

*Kehadiran penuh semasa pertandingan akhir

4.5.2 Penganugerahan Pingat Dalam Pertandingan MySkills

- a. Penganugerahan pingat adalah mengambil asas markah tertinggi, dalam julat markah yang seperti dalam Jadual 1.
- b. Markah tertinggi dalam julat pertama dianugerahkan pingat Platinum kedua tertinggi dalam julat markah yang sama memenangi Emas dan seterusnya seperti contoh dalam Jadual 2.
- c. Peserta akhir yang mendapat markah tinggi dalam ujian praktikal tetapi gagal dalam ujian teori peserta tersebut hanya layak mendapat pingat satu tahap lebih rendah daripada sepatutnya.
- d. Sekiranya terdapat dua atau lebih peserta akhir memperolehi markah yang sama markah ujian teori akan diambilkira dalam penentuan pingat yang dimenangi.

Jadual 2 : Contoh Penganugerahan Pingat Pertandingan MySkills

Peserta	Markah	Pingat	Catatan
Peserta pertama	96.0	Platinum	Pingat dianugerahkan berdasarkan markah tertinggi.
Peserta kedua	95.5	Emas	
Peserta ketiga	95.4	Perak	
Peserta keempat	95.0	Gangsa	
Peserta kelima	94.0	Sijil kecemerlang	Peserta hanya layak memperolehi Sijil Kecemerlangan berdasarkan markah tertinggi.
Peserta keenam	94.0	Sijil kecemerlang	
Peserta ketujuh	93.0	Sijil kecemerlang	
Peserta Kelapan	92.0	Sijil kecemerlang	

Nota: Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Teknikal Pertandingan

4.5.3 Julat Pemarkahan Pertandingan Kemahiran Malaysia

Peserta dalam pertandingan ini akan menerima insentif seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Jadual Insentif Pemenang Pertandingan Kemahiran Malaysia

Anugerah	Ganjaran	Markah
Emas	RM 5000, sijil dan pingat	85% - 100%
Perak	RM 2500 ,sijil dan pingat	75% - 84.99%
Gangsa	RM 1500 , sijil dan pingat	70% - 74.99%
Sijil Kecemerlangan	*RM 500 dan sijil	65% - 69.99%
Sijil Penyertaan	Sijil	

4.5.4 Penganugerahan Pingat Dalam PKM

Penganugerahan pingat kepada pemenang berpandukan kriteria berikut:

- Pingat Emas, Perak, dan Gangsa dianugerahkan mengikut skala pemarkahan seperti **Jadual 3**.
- Penganugerahan pingat adalah mengambil asas markah tertinggi, dalam julat markah seperti dalam **Jadual 4**:

Jadual 4 : Contoh Penganugerahan Pingat Pertandingan Kemahiran Malaysia

Peserta	Markah	Anugerah	Catatan
Peserta kedua	95.5	Emas	Pingat dianugerah berdasarkan markah tertinggi
Peserta ketiga	95.4	Perak	
Peserta keempat	95.0	Gangsa	
Peserta kelima	94.0	Sijil Kecemerlangan	
Peserta keenam	94.0	Sijil Kecemerlangan	
Peserta ketujuh	93.0	Sijil Kecemerlangan	
Peserta Kelapan	92.0	Sijil Kecemerlangan	

Nota: Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Teknikal Pertandingan

4.5.5 Penganugerahan Tangan Emas Perdana Menteri

Penganugerahan diberikan kepada setiap bidang kemahiran yang memperolehi markah keseluruhan dan melebihi **95%** dan ke atas dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia.

4.6 INSENTIF DAN FAEDAH

Jabatan telah menyediakan dan memberikan insentif kepada personel pertandingan dan penganjur lokasi seperti berikut:-

4.6.1 Pemenang

PKM	Pertandingan MySkills
Terdapat pelbagai kategori pemenang dalam PKM berdasarkan kepada pingat yang yang dimenangi iaitu Emas, Perak, Gangsa dan Saguhati: i. <u>Emas</u> = Sijil dan RM 5,000.00 ii. <u>Perak</u> = Sijil dan RM 2,500.00 iii. <u>Gangsa</u> = Sijil dan RM 1,500.00 iv. <u>Sijil Kecemerlangan</u> = Sijil Kecemerlangan dan RM500.00 vi. <u>Sijil Penyertaan</u> = Sijil penyertaan	a. Peserta yang berjaya melayakkan diri keperingkat akhir layak menerima hadiah dan wang tunai seperti: v. <u>Platinum</u> = Piala, sijil dan RM 10,000.00 vi. <u>Emas</u> = Sijil dan RM 7,000.00 vii. <u>Perak</u> = Sijil dan RM 5,000.00 viii. <u>Gangsa</u> = Sijil dan RM 3,000.00 ix. <u>Sijil Kecemerlangan</u> = Sijil Kecemerlangan dan RM500.00 vi. <u>Sijil Penyertaan</u> = Sijil penyertaan dan RM 500.00 b. Pemenang berpeluang menjadi hakim atau jurulatih pertandingan kemahiran. c. Pemenang boleh memohon bagi mendapat pengiktirafan khas Sijil Kemahiran Malaysia, JPK melalui Kaedah PPT-Khas mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

4.6.2 Panel Hakim dan Penggubal Soalan

- 1) Personel diberi sijil/surat penghargaan;
- 2) Panel hakim boleh memohon bagi mendapat pengiktirafan khas Sijil Kemahiran Malaysia, JPK melalui Kaedah PPT-Khas mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan;
- 3) Bayaran kepada panel hakim berdasarkan kadar RM25/jam dan maksima RM200.00 sehari sebagaimana diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia; dan
- 4) Berpeluang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh jabatan.

4.6.3 Petugas Pertandingan

Petugas pertandingan layak membuat tuntutan bayaran berdasarkan kadar yang telah seperti jadual di bawah:-

Jadual 5: Jadual Kadar Bayaran Petugas Lokasi

Kategori	Bayaran Maksima
Penyelaras	RM 90.00 seorang x bilangan hari bertugas (tidak melebihi maksima RM 500.00) bagi setiap pra-kelayakan dan akhir
Pembantu Bengkel	RM60.00 seorang x bilangan hari bertugas (tidak melebihi maksima RM 400.00)) bagi setiap pra-kelayakan dan akhir
Pembantu Am	RM50.00 seorang x bilangan hari bertugas (tidak melebihi maksima RM 300.00)) bagi setiap pra-kelayakan dan akhir

4.6.4 Penganjur Lokasi

- 1) Dapat mempromosikan syarikat atau institut latihan kepada masyarakat umum.
- 2) Dapat mempromosikan produk atau perkhidmatan syarikat atau institut.
- 3) Menerima sijil penghargaan dan cenderahati oleh JPK/BPAK.

4.6.5 Penaja Pertandingan

- 1) Menerima sijil penghargaan dan cenderahati.
- 2) Logo syarikat akan dipapar di media cetak.
- 3) Berpeluang mempamerkan perkhidmatan dan produk semasa pertandingan dan majlis anugerah.

4.7 PENGUBALAN SOALAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN

4.7.1 Skop Pengubalan Soalan Pertandingan

1. Berasaskan kepada *National Occupational Skills Standard (NOSS)* bagi Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 atau Diploma Kemahiran Malaysia (jika berkaitan);
2. Berasaskan kepada *Technical Description ASC/WSC*;
3. Soalan pertandingan kemahiran yang telah digubal adalah SULIT dan TERHAD; dan
4. Soalan teori hendaklah digubal dalam dwi-bahasa Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

4.7.2 Kategori Soalan Pertandingan MySkills

Soalan pertandingan terdiri daripada soalan teori dan soalan praktikal.

4.7.2.1 Soalan teori

Ciri-ciri soalan teori yang digubal adalah seperti berikut:

- i. **Ujian objektif** secara komputer adalah wajib kepada semua peserta pertandingan samada di peringkat saringan dan akhir.
- ii. **60 soalan objektif** dengan 4 pilihan jawapan dan membawa 100 markah; dan
- iii. Tempoh ujian : **1 ½ jam**
- iv. Hanya peserta saringan yang **lulus ujian teori** sahaja layak ke peringkat **praktikal pra-kelayakan**.
- v. **Markah lulus : 50 %**

4.7.2.2 Soalan Praktikal Pertandingan MySkills

Soalan praktikal terbahagi kepada soalan peringkat **pra-kelayakan** dan **akhir**. Ianya mengandungi soalan/arahan, skema pemarkahan, senarai bahan gunahabis, peralatan mengikut bilangan dan spesifikasi yang jelas. Hasil dari soalan praktikal yang dibangunkan adalah berbentuk servis atau hasil produk. Markah lulus adalah **50%**.

a. Peringkat Pra-kelayakan Pertandingan MySkills

- i. Peserta yang lulus peringkat saringan (teori) adalah layak untuk menduduki pertandingan peringkat pra-kelayakan .
- ii. Pemilihan peserta ke peringkat akhir adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan berdasarkan kepada prestasi peserta.
- iii. Tempoh masa : **3-6 jam**

b. Peringkat akhir Pertandingan MySkills

- i. Peserta yang lulus peringkat pra-kelayakan dan diperakukan dalam Jawatankuasa Teknikal Pertandingan MySkills adalah layak ke pertandingan peringkat akhir.
- ii. Tempoh Masa pertandingan adalah **12-14 jam**

4.7.3 Kategori Soalan Pertandingan Kemahiran Malaysia

Kategori soalan PKM adalah seperti berikut:

4.7.3.1 Peringkat Pra-kelayakan

Pemilihan peserta ke peringkat akhir adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan berdasarkan kepada prestasi peserta.

Tempoh masa : **3-5 jam**

4.7.3.2 Peringkat Akhir

Peserta yang berjaya dan mendapat markah terbaik serta diperakukan dalam Jawatankuasa Teknikal Pertandingan PKM adalah layak ke

pertandingan peringkat akhir. Tempoh Masa pertandingan adalah **12-14 jam**

4.7.3.3 Paparan Soalan Pertandingan

Paparan soalan pertandingan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Mesyuarat Teknikal Pertandingan.

4.7.4 Persediaan dokumen dalam soalan praktikal

- i. Lampiran 1 - **SB01** : Senarai Bahan Gunahabis
(Disediakan oleh Penganjur)
- ii. Lampiran 2 - **SB02** : Senarai perkakas dan peralatan umum
(Disediakan oleh Penganjur)
- iii. Lampiran 3- **SB03** : Senarai Perkakas dan Peralatan Tangan (Dibawa sendiri oleh Peserta pertandingan)
- iv. Lampiran 4- **SB04** : Senarai keperluan fizikal dan persiapan tempat (Disediakan oleh penganjur)
- v. Lampiran 5 - **SB05** : Senarai Keperluan Pengawai Sokongan
(Disediakan oleh penganjur)

4.7.5 Prototaip

Prototaip dibangunkan bagi mengetahui kefungsian, masa dan produk soalan yang dibangunkan. Ianya perlu dibuat sebelum pertandingan berlangsung dan laporan pembangunan prototaip ini perlu dimajukan ke Jabatan.

4.7.6 Pemerhati Semasa Penggubalan Soalan

Wakil dari agensi kemahiran dijemput hadir bersama-sama semasa proses penggubalan soalan pertandingan.

4.8 KAEDAH PENILAIAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN

4.8.1 UJIAN TEORI PERTANDINGAN MYSKILLS

Ujian teori dilaksanakan secara sistem komputer berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.

4.8.2 UJIAN PRAKTIKAL PERTANDINGAN MYSKILLS DAN PKM

Penilaian dilaksanakan berasaskan kepada skema pemarkahan yang telah dibangunkan bersama soalan. *Competition Information System* (CIS) digunakan bagi memudah dan memastikan penilaian dilaksanakan secara telus. Kriteria berikut digunakan bagi tujuan penilaian:

- i. Kriteria penilaian di dalam Borang Pemarkahan mestilah mengandungi 4 hingga 8 kriteria yang merangkumi contohnya hasil produk, kualiti produk, keselamatan, kebersihan, pengukuran dan sebagainya;
- ii. Penilaian dilakukan berdasarkan kepada skema pemarkahan yang dibangunkan mengikut bidang kemahiran; dan
- iii. Penilaian dilakukan selepas selesai setiap modul soalan;
- iv. Penilaian perlu dipersetujui oleh setiap hakim dalam bidang kemahiran tersebut
- v. Menggunakan format penilaian iaitu Borang Pemarkahan Objektif seperti di **Lampiran 6**, Borang Pemarkahan Subjektif seperti **Lampiran 7** dan Borang Pemarkahan Keseluruhan seperti **Lampiran 8**.

5.0 PENUTUP

- i. Panduan penilaian ini dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pertandingan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan lebih berkesan.
- ii. Semua keputusan pertandingan adalah muktamad.
- iii. Semua lantikan adalah atas bidang kuasa Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan Setiausaha BPAK
- iv. Sebarang maklumat lanjut boleh merujuk kepada laman web www.dsd.gov.my dan www.kkr.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA &
BAHAGIAN PEMANTAUAN AGENSI DAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

November 2011

contoh

SB01

SENARAI BAHAN GUNAHABIS
(Disediakan oleh Penganjur)

PERINGKAT: _____

KEMAHIRAN :

BILANGAN PESERTA :

URUSETIA

TELEFON :

Bil	Bahan Gunahabis	Kuantiti seorang	Jumlah diperlukan	Catatan
01				
02				
03				
04				
05				
06				
07				
08				

contoh

SENARAI PERKAKAS DAN PERALATAN UMUM
(Disediakan oleh Penganjur)

PERINGKAT: _____

KEMAHIRAN :

BILANGAN PESERTA :

URUSETIA

TELEFON

Bil.	Mesin/Peralatan Dan Peralatan Gunasama	Kuantiti Untuk Seorang	Jumlah yang diperlukan	Catatan
01				
02				
03				
04				
05				
06				
07				
08				

contoh

SENARAI PERKAKAS DAN PERALATAN TANGAN
(Dibawa sendiri oleh Peserta)

PERINGKAT: _____

KEMAHIRAN :

BILANGAN PESERTA :

URUSETIA

TELEFON

Bil.	Senarai Perkakas dan Peralatan	Kuantiti seorang
01		
02		
03		
04		
05		
06		
07		

contoh

KEPERLUAN FIZIKAL DAN PERSIAPAN TEMPAT
(Disediakan oleh Penganjur)

PERINGKAT: _____

KEMAHIRAN :

BILANGAN PESERTA :

URUSETIA

TELEFON

Bil.	Keperluan Fizikal dan Persiapan Tempat	Kuantiti seorang
01.	Meja dan kerusi hakim	4 set
02.	Keluasan petak kerja - mengikut seperti yang sedia ada di tapak pertandingan	4 m x 3.5 m
03.	Papan putih (white board) dan white board pen	1 set

contoh

KEPERLUAN PEGAWAI SOKONGAN
(Disediakan oleh Penganjur)

PERINGKAT: _____

KEMAHIRAN :
BILANGAN PESERTA :
URUSETIA
TELEFON

Bil.	Pegawai Sokongan	Kuantiti

Lampiran 6

Pemarkahan Objektif Borang 1

PERTANDINGAN MySkills PERINGKAT AKHIR

Kriteria ID

BIDANG: _____

Muka Surat 1 / 1

Hari Pertandingan

No Peserta : _____ Nama Peserta _____ Agensi _____

Kriteria :

Kriteria ID	Markah Maksimum	Kriteria	Ukuran Diperlukan	Keputusan	Markah
1					
2					
3					
4					
5					
6					

_____ Maksimum

Markah diperolehi

Hakim 1	Hakim 2	Hakim 3	Hakim 4

Ketua Hakim:	
Tandatangan:	
Tarikh:	

Lampiran 7

Pemarkahan Subjektif
Borang 2
PERTANDINGAN MySkills
PERINGKAT AKHIR

Kriteria ID

Hari Pertandingan

BIDANG : _____

Muka Surat 1 / 1

No Peserta : _____ Nama Peserta _____ Agensi _____

Kriteria : _____

Kriteria a ID	Markah Maksimum	Kriteria	Hakim 1	Hakim 2	Hakim 3	Hakim 4	Markah
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							

_____ Maksimum

Markah diperolehi

Hakim 1	Hakim 2	Hakim 3	Hakim 4

Ketua Hakim:	
Tandatangan:	
Tarikh:	

**Permarkahan Keseluruhan
Borang 3**

**PERTANDINGAN MySkills
PERINGKAT AKHIR**

BIDANG: _____

No Peserta : _____ Nama Peserta : _____ Agensi _____

Kriteria ID	Deskripsi / kriteria	Markah	Markah				Jumlah Markah
			Hari 1	Hari 2	Hari 3	Hari 4	
A							
B							
C							
D							
E							
F							
G							
H							

Jumlah Markah 100.00 _____

Nama Hakim	Tandatangan	Tarikh

Ketua Hakim:	
Tandatangan:	
Tarikh:	